

Syor bubar Umno, Pas sukar dicapai

Cadangan wujud parti tunggal orang Melayu perlu perbincangan secara teliti

Oleh Azmi Md Deros, Saufi Hamzah, Azrina Ahzan, Junita Mat Rasid, Amin Ridzuan Ishak, Khairul Azran Hussin dan Haspaizi Mohd Zain
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pemimpin Umno dan Pas memberikan reaksi berbeza berhubung cadangan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya kedua-dua parti itu dibubarkan bagi mewujudkan parti baru yang menggabungkan orang Melayu.

Mereka berpendapat, sukar untuk Umno dan Pas membubarkan parti masing-masing dan menyifatkan cadangan itu memerlukan perbincangan teliti.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata Umno tidak perlu dibubarkan

sejajarnya ajaran Islam sentiasa menjadi teras perjuangan dan ia termaktub dalam Fasal 3, Perlembagaan Umno.

"Umno adalah parti Islam dan memperjuangkan ajaran Islam seperti termaktub dalam perlembagaannya.

"Tidak timbul isu untuk membubarkan Umno tetapi kita sentiasa mengalu-alukan jika Pas ingin bergabung dengan Umno," katanya.

Kelmarin, Nik Abdul Aziz, mengesyorkan diwujudkan parti baru yang menggabungkan semua orang Melayu, supaya parti itu boleh diterima ahli Umno dan Pas tetapi perlu berlandaskan Islam.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata cadangan itu memerlukan persefahaman yang erat sebelum wujud kemungkinan

dapat dilaksanakan.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mustapha Mohamed, berkata perbezaan ideologi antara Umno dan Pas memungkinan cadangan itu sukar dilaksanakan.

Bagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, penyatuan fikiran antara Umno dan Pas dianggap lebih penting daripada parti baru yang menggabungkan semua orang Melayu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Johari Baharum, berkata Umno dan Pas tidak perlu dibubarkan ika kedua-dua pihak ikhlas menyatupada

Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Salahuddin Ayub menyifatkan cadangan Mursyidul Am Pas itu hanya 'gurauman' dan mempunyai ba-



Tidur satu bantal tapi mimpi lain-lain, lebih baik tidur lain bantal tapi mimpi sama"

Ahmad Zahid Hamidi
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pas tidak mungkin dibubarkan kerana parti ini benar-benar memperjuangkan Islam"

Salahuddin Ayub
Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat

nyak maksud tersirat.

"Sesuatu yang mustahil untuk melihat sebuah parti yang memperjuangkan ideologi berbeza seperti Pas dan Umno dibubarkan semata-

mata untuk menubuhkan sebuah parti baru.

"Ingin saya tegaskan Pas tidak mungkin dibubarkan kerana parti ini benar-benar memperjuangkan Islam, ti-

tidak tahulah pula Umno macam mana," katanya.

Di Johor Bahru, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata cadangan penubuhan parti baru bagi menggantikan Umno dan Pas tidak mustahil tetapi tidak boleh dilaksanakan dalam masa terdekat kerana masih banyak isu berkaitan kedua-dua parti belum diselesaikan.

Beliau berkata, apa yang penting ialah kedua-dua pihak perlu ikhlas dan mempunyai niat betul bagi menyelesaikan perkara berkaitan kedua-dua parti.

di Kota Bharu, Nik Abdul Aziz berkata, cadangan Umno dan Pas digantikan dengan parti baru bagi menyatukan orang Melayu akan dibincangkan pada Muktamar Tahunan Pas Ke-54, di Ipoh pada 15 Ogos ini.

Katanya, beliau akan memberi penjelasan berhubung saranannya itu jika ahli Pas ingin mendapatkan penjelasan berhubung perkara itu.